

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, November 29, 2018 12:55 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Duta Turki Ke Malaysia Kongsi Usaha Kemanusiaan Turki



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

29 NOVEMBER 2018 / 21 RABIULAWAL 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon dan Aina Syamimi Che Hassan
Gambar Oleh: Abdul Halim Husain

DUTA TURKI KE MALAYSIA KONGSI USAHA KEMANUSIAAN TURKI



UUM ONLINE: Peranan Turki dalam kerja-kerja kemanusiaan di persada antarabangsa mungkin tidak diketahui ramai namun Turki merupakan antara negara yang aktif menyumbang dalam aktiviti kemanusiaan di negara-negara luar.

Duta Turki ke Malaysia, H.E Dr. Merve Kavakci berkata, laporan Global Humanitarian Assistance pada 2017 meletakkan Turki sebagai negara penyumbang bantuan kemanusiaan terbesar di dunia.

Menurutnya, Turki menyumbang lebih USD8 billion pada tahun 2017, mendahului Amerika Syarikat (AS) di tempat kedua dengan USD6.5 billion, Jerman USD3 billion dan United Kingdom USD2.3 billion.

Katanya, memberi bantuan adalah sebahagian daripada identiti bangsa Turki dan Islam itu sendiri.

"Memberi bantuan bukanlah perkara baharu bagi Turki dan ia telah berlaku sejak berkurun lamanya, contohnya pada abad ke-14, Empayar Turki Uthmaniyah menerima orang Yahudi yang melarikan diri daripada kekejaman yang dilakukan terhadap mereka oleh Ferdinand dan Isabella selepas mereka berjaya menakluk semula Andalusia daripada orang Islam pada 1492.


"Sementara pada abad ke-18, ketika negara Ireland dilanda kebuluran besar, Sultan Abdulmajid telah menyumbang bantuan kepada penduduk negara itu yang kebuluran walaupun dipisahkan 4,000 batu dan merupakan negara Kristian.

"Turki juga melindungi orang-orang Yahudi yang melarikan diri daripada kekejaman Adolf Hitler semasa era pemerintahan Nazi di Jerman dan kini, Turki menjadi hos kepada 3.5 juta pelarian Syria yang berlindung di negara itu akibat krisis peperangan di negara mereka," ujarnya ketika menyampaikan syarahan bertajuk '*Turkey's Humanitarian and Enterprising Foreign Policy*' di Auditorium Pusat Pengajian Antarabangsa (SOIS), semalam.

Menurut beliau, kejayaan Turki dalam membantu negara-negara luar adalah kerana Turki sedang memimpin jalan untuk bergerak jauh daripada dasar luar yang bercorak realisme.

"Pendekatan realisme berkait rapat dengan fahaman Machiavelli yang mana anda akan lakukan apa yang perlu dilakukan untuk memaksimakan kuasa, meletakkan kepentingan diri sendiri, tidak mempedulikan orang lain, meminggirkan diri dan memulau pihak lain.

"Turki sedang bergerak daripada pendekatan ini dan mengambil pendekatan yang lebih idealistik iaitu melakukan perkara yang betul kerana ia adalah satu-satunya perkara yang perlu dilakukan," katanya.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.